

TEKS UCAPAN PERASMI

PROFESOR IR. DR. GHAZALI BIN OMAR

MENJALANKAN FUNGSI

NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PENGHAYATAN ALAM SEKITAR

2021 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

(PPAS 2021 UTeM)

Recording 12/10/2021. 10.00am

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah swt yang mengizinkan kita pada hari ini, untuk bersama-sama dalam majlis Perasmian Program Penghayatan Alam Sekitar 2021 peringkat UTeM secara dalam talian.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga UTeM kerana sudi meluangkan

masa, bagi memeriahkan lagi PPAS Peringkat UTeM ini. Saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan, seluruh warga UTeM sentiasa berada dalam limpah rahmat dari Nya, dan diberikan kesihatan yang baik untuk menjalankan amanah dan tugasan sehari-hari dengan sebaik-baiknya.

Warga UTeM sekalian,

Kelestarian Alam Sekitar merupakan agenda global yang memerlukan usaha bersepadu rakyat dan kerajaan dalam menangani pelbagai kemusnahan alam. Di Malaysia, kerajaan telah merangka Agenda Pembangunan Lestari 2030, sebagai satu panduan perancangan pembangunan negara yang sentiasa bergerak ke arah kelestarian alam sekitar dalam kehidupan rakyat.

Bagi merealisasikan Agenda Pembangunan Lestari 2030 ini, institusi pendidikan sama ada di peringkat secondary maupun tertiary, perlu bertindak sebagai sebuah agen pemangkin bagi mencapai hasrat kelestarian negara dengan lebih proaktif.

Dalam menyahut usaha murni ini, UTeM juga tidak ketinggalan dengan menganjurkan Program Penghayatan Alam Sekitar yang juga merupakan program tahunan dalam kalender aktiviti Universiti. Program ini dianjurkan bagi menyemai dan meneruskan amalan dan budaya

hidup yang dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar, khususnya di UTeM dan Negeri Melaka secara amnya.

Penganjuran Minggu Alam Sekitar UTeM yang mula diperkenalkan sejak tahun 2013 juga selari dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang diadakan pada 5 Jun setiap tahun dan Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada 21 Oktober pada setiap tahun.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Tema pada tahun ini, ‘*Ecosystem Restoration*’ atau Pemulihan Ekosistem, dengan slogan: *Reimagine. Recreate. Restore*’, merupakan kesinambungan tema dari acara Hari Bumi yang disambut pada 22 April yang lalu dengan tema ‘*Restore Our Earth*’. Kedua-dua tema ini menekankan usaha memulihara bumi, yang berfokus kepada pengurangan dan adaptasi terhadap kerosakan dan pencemaran alam sekitar.

Penularan pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia, secara positifnya turut memberi manfaat tersendiri kepada persekitaran dan induk bumi. Alam persekitaran yang sebelum ini banyak terkesan dengan kerosakan hasil aktiviti manusia semakin mendapat masa untuk membersihkan dirinya dan merebut kembali ruangnya.

Alhamdulillah, walaupun negara kita masih dianugerahkan dengan kekayaan flora dan fauna serta ekosistem yang masih terjaga dengan baik, kita hendaklah sentiasa menanamkan rasa tanggungjawab sebagai umat manusia untuk tidak alpa atau lalai dalam menjaga dan

memulihara, serta terus mencapai keseimbangan antara pembangunan, kehidupan manusia dan kesihatan serta kestabilan ekosistem ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Saya percaya, dengan adanya PPAS 2021 UTeM seperti ini, ianya akan meningkatkan lagi kesedaran alam sekitar khususnya di kalangan warga UTeM, untuk mewujudkan suasana persekitaran sejagat yang kondusif ke arah sebuah kehidupan yang berkualiti tinggi, selaras

dengan aspirasi UTeM sendiri yang disuarakan menerusi inisiatif Smart and Dynamic Campus dalam UTeM's Seven Strategic Goals 2021-2025.

Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan tahniah dan terima kasih saya kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian PPAS 2021 peringkat UTeM khususnya kepada Pejabat Keselamatan Pekerjaan dan Kelestarian Alam Sekitar UTeM.

Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Program Penghayatan Alam Sekitar 2021 peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sekian. Terima kasih.